



1 - 15 APRIL, 2026

PENANG 2030

# BULETIN MUTIARA

PERCUMA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow


# SK Kongsi tuai kejayaan luar biasa



BARISAN ahli *Northern Speakers Club* memberi *pose* istimewa bersama piala dan sijil pengiktirafan yang dimenangi.

**SIAPA** sangka sebuah sekolah yang dikatakan sebagai sekolah luar bandar mampu mencipta nama di pentas kebangsaan.

Sekolah Kebangsaan (SK) Kongsi di Balik Pulau membuktikan bahawa faktor lokasi bukan penghalang apabila berjaya menjuarai pertandingan bicara berirama atau *choral speaking* pada peringkat kebangsaan, sekali gus mengharumkan nama sekolah dan negeri.

Pasukan *choral speaking* SK Kongsi mula aktif sejak tahun 2019 apabila muncul juara peringkat negeri dan kebangsaan dalam pertandingan anjuran salah sebuah agensi perbankan pada ketika itu.

Sejak itu, sekolah berkenaan terus melakar kecemerlangan apabila turut unggul dalam pertandingan anjuran Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) serta Kementerian Pendidikan (KPM).

Susulan itu, wartawan Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** bersama jurugambar, **SIEW CHIA EN** sempat berkunjung ke SK Kongsi bagi mendengar perkongsian di sebalik pencapaian luar biasa yang dilakar.

Guru Besar SK Kongsi, **ROZANA MOHAMED NOORDIN** ketika ditemui mengakui bahawa beliau berasa amat bangga dengan pencapaian anak-anak muridnya.

"Walaupun kami hanya sekolah biasa di luar bandar, murid-murid mampu berdiri sama tinggi dengan sekolah lain.

"Malah, ada murid kami yang berjaya mengharumkan nama ke peringkat antarabangsa dalam bidang kitar semula menerusi Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) bagi kategori *International Best Practice*," katanya dalam sesi wawancara pada 2 Mac lalu.

Menurut Rozana, usaha melahirkan pelapis baharu telah dimulakan sejak murid berada di Tahun 3 lagi bagi memastikan legasi pasukan terus diperkukuh.

"Melalui *choral speaking*, kemahiran komunikasi dan disiplin murid dapat dipertingkatkan.

"Kami tidak mahu memberi tekanan, sebaliknya mahu mereka memperoleh pengalaman dan keyakinan diri," katanya yang telah berkhidmat di sekolah tersebut sejak tahun 2004.

Sementara itu, guru pembimbing, **NUR ADZELINDA ROSMI** yang turut serta dalam sesi tersebut menyatakan bahawa di bawah penganjuran KPDN, SK Kongsi telah tiga kali layak ke peringkat kebangsaan dengan sekali muncul juara, manakala penyertaan di bawah KPM pula menyaksikan mereka dua kali mara ke peringkat sama.

"Bagi menggilap bakat murid bukan sesuatu yang mudah, yang mana kita perlu memupuk minat mereka terlebih dahulu sebelum membuat pemilihan.

"Antara kriteria utama adalah lantunan suara yang jelas dan kuat, sebutan tepat serta ekspresi yang meyakinkan.

"Ada dalam kalangan mereka (murid) bukan dari kelas hadapan, tetapi mereka berani dan tidak takut berdepan khalayak," jelasnya.


*(Sambungan di muka 2).*

# Bina keyakinan diri



**ROZANA Mohamed Noordin.**

*(Sambungan dari muka 1).*

Pasukan yang dikenali sebagai *Northern Speakers Club* itu turut dibimbing dua lagi guru, **NOR AZLINA MOHD. KHALID** dan **ALYA QISTINA MOHAMAD FESAL**.

Menurut beliau, penglibatan dalam *choral speaking* bukan sahaja membina keyakinan diri, malah membantu meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris murid sehingga ada yang berjaya memperoleh keputusan cemerlang dalam peperiksaan.

"Sebelum latihan bermula, murid akan menghafal skrip serta mempelajari sebutan perkataan melalui carian dalam talian dengan merujuk sebutan bahasa Inggeris British.

"Dalam hal ini, ibu bapa memainkan peranan penting, walaupun latihan berakhir sekitar jam 4 petang, mereka tetap memberi sokongan penuh," tambahnya.

Mengulas mengenai undangan membuat persembahan *choral speaking* pada Majlis Perhimpunan Anggota Perkhidmatan Awam bersama Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang di Dewan Seri Pinang pada 22 Januari lalu, rata-rata guru SK Kongsi menyifatkannya sebagai satu penghormatan besar.




**PERSEMBAHAN *Northern Speakers Club* pada Majlis Perhimpunan Anggota Perkhidmatan Awam Bersama Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang di Dewan Sri Pinang pada Januari lalu.**

"Ada kalanya undangan persembahan lebih membanggakan daripada pertandingan kerana kami diberi peluang membuat persembahan di hadapan pemimpin dan tetamu kenamaan.

"SK Kongsi hanyalah sekolah kecil dengan kira-kira 500 murid, namun diberi peluang besar seperti ini sememangnya membanggakan," ujarnya.

Sekolah itu juga pernah mengadakan kolaborasi bersama sebuah sekolah dari Indonesia sebagai usaha memperluas jaringan dan pengalaman murid.

Di sebalik kejayaan tersebut, cabaran tetap wujud termasuk kekangan masa murid, cuaca panas, kehadiran serta penglibatan dalam aktiviti kokurikulum dan sukan lain.



**AYESHA Zahirah Urazyhan.**

Guru-guru turut menetapkan syarat bahawa murid perlu menyiapkan kerja sekolah dan mengekalkan prestasi akademik sebelum dibenarkan menyertai pasukan *choral speaking*.

Bagi murid Tahun 6, **AYESHA ZAHIRAH URAZYHAN**, minatnya terhadap *choral speaking* bermula daripada pengaruh abangnya.

"Pada mulanya saya agak takut, tetapi selepas menyertainya saya jadi lebih berani bercakap di hadapan kamera.



**HADIR Yusof Abdul Hadi.**

"Cabaran utama adalah pengurusan masa kerana ibu bapa juga mahu saya fokus kepada akademik.

"Pengalaman paling menyeronokkan adalah apabila kami memenangi pertandingan KPDN dan dibawa ke *Snow World* sebagai penghargaan," katanya yang turut aktif dalam pasukan uniform, Pengakap dan bola baling.

Seorang lagi murid Tahun 6, **HADIR YUSOF ABDUL HADI** berkata, beliau selesa memegang watak solo sebagai *'uncle'*.

"Saya rasa seronok dapat watak solo kerana menghafal skrip tidaklah terlalu sukar.

"Untuk meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris, saya sering mendengar lagu Inggeris seperti lagu dari kumpulan *Backstreet Boys* yang diperkenalkan oleh emak," ujarnya.

Kejayaan SK Kongsi membuktikan bahawa dengan bimbingan guru yang komited, sokongan ibu bapa dan kesungguhan murid, sekolah luar bandar juga mampu mencipta kecemerlangan di pentas kebangsaan.



**GAYA bersahaja ahli-ahli *Northern Speakers Club* bersama-sama Ketua Menteri yang sempat dirakam lensa baru-baru ini.**

# RUU Pemberian Mengikut Bilangan Orang 2026

## formula kapitasi perlu diteliti

**KUALA LUMPUR -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow yang juga Ahli Parlimen Batu Kawan menyokong Rang Undang-Undang (RUU) Pemberian Mengikut Bilangan Orang 2026 yang bakal meningkatkan pemberian geran kapitasi *(capitation)* kepada negeri-negeri.

Ketika membahaskan RUU tersebut di Dewan Rakyat, beliau berkata peningkatan geran kapitasi yang dicadangkan merupakan langkah amat dialu-alukan memandangkan kadar sedia ada kali terakhir disemak kira-kira 23 tahun lalu.

Namun, pada masa yang sama beliau menegaskan bahawa struktur formula yang disemak semula perlu diteliti dengan lebih mendalam bagi memastikan RUU berkenaan benar-benar mencerminkan realiti semasa.

"Bagi negeri yang mempunyai populasi lebih besar seperti Pulau Pinang, ini bermakna kebanyakan penduduk dibiayai pada kadar marginal antara RM13 hingga RM14, bukannya RM102.

"Formula ini memberi manfaat besar kepada 100,000 penduduk pertama, namun menurun dengan ketara selepas itu. Perkara ini wajar dikaji semula," katanya di sini pada 23 Februari lalu.

Mengulas dari sudut realiti ekonomi, Kon Yeow memaklumkan bahawa Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) per kapita Pulau Pinang kini melebihi RM72,000 setahun, dengan jumlah



CHOW Kon Yeow.

KDNK negeri mencecah kira-kira RM130 bilion berdasarkan data Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

"Dengan hasil Persekutuan dianggarkan sekitar 15 hingga 18 peratus daripada KDNK pada peringkat nasional, Pulau Pinang secara konservatif dianggarkan menjana kira-kira RM20 bilion hasil Persekutuan setiap tahun, atau sekitar RM11,000 bagi setiap penduduk.

"Namun bagi setiap RM11,000 yang dijana oleh seorang penduduk, pulangan marginal di bawah formula kapitasi ini hanyalah sekitar RM13 seorang," ujarnya.

Kon Yeow menjelaskan bahawa formula sedia ada berasaskan faktor demografi semata-mata tanpa mengambil kira beberapa faktor penting seperti sumbangan KDNK, cukai yang dijana kepada Persekutuan, intensiti eksport, tekanan terhadap infrastruktur serta kos kepadatan bandar.

Dalam pada itu, beliau turut menjelaskan bahawa walaupun jumlah keseluruhan pemberian Persekutuan kepada Pulau Pinang menunjukkan peningkatan pada tahun-tahun tertentu, dengan kemuncaknya pada 2023 sebanyak RM325.67 juta, peningkatan tersebut sebahagian besarnya didorong oleh komponen bukan berkanun seperti Sistem Maklumat Rekod-Rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS) serta peruntukan khas lain.

"Pemberian berkanun di bawah Perkara 109 dan 110 Perlembagaan Persekutuan, termasuk Pemberian Mengikut Bilangan Orang, Bayaran Perkhidmatan 10 peratus, Pemberian Pertambahan Hasil, pembiayaan Perbelanjaan Mengurus di bawah Senarai Bersama serta Pemberian Pelancongan, dilihat semakin mengecil dari segi peratus sumbangannya terhadap jumlah keseluruhan pemberian.

"Keadaan ini menunjukkan bahawa pertumbuhan jumlah pemberian keseluruhan tidak semestinya mencerminkan pengukuhan asas fiskal negeri, sebaliknya lebih bergantung kepada komponen pembangunan yang tertakluk kepada keutamaan dasar tahunan Kerajaan Persekutuan," jelasnya.

Sehubungan itu, Kon Yeow mengemukakan tiga pertimbangan dasar utama, termasuk keperluan menilai semula struktur pemberian berkanun sedia ada agar lebih responsif kepada realiti semasa seperti pertumbuhan penduduk, tahap urbanisasi, kos penyelenggaraan infrastruktur bandar serta sumbangan negeri kepada ekonomi negara.

"Tambahan pula, formula pemberian yang lebih dinamik dan berasaskan indikator objektif akan memperkukuh prinsip keadilan fiskal antara negeri.

"Malah, pengukuhan komponen berkanun akan memberikan kestabilan jangka panjang serta mengurangkan kebergantungan kepada peruntukan khas yang tertakluk kepada perubahan dasar tahunan," ulasnya.

Kon Yeow turut mengingatkan bahawa negeri-negeri seperti Pulau Pinang memainkan peranan besar dalam menjana pertumbuhan ekonomi, pelaburan dan hasil negara, namun tidak menerima pulangan yang setimpal.

"Pindaan formula kapitasi yang dicadangkan tidak memberi ganjaran kepada prestasi, tidak menyediakan insentif kepada pertumbuhan serta tidak berasaskan prinsip perkongsian hasil.

"Ia hanya mewujudkan model pengagihan pasif dan bukannya sebuah Persekutuan yang dipacu oleh prestasi.

"Justeru, satu mekanisme jangka panjang wajar diteroka bagi memastikan perkongsian hasil dilaksanakan secara lebih mampan dan seimbang," katanya.

# Peruntukan meningkat, perkasa potensi belia

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri terus memperkukuh komitmen terhadap pembangunan generasi muda menerusi Dana Pembangunan Belia dengan jumlah tambahan RM100,000 menjadikan jumlah peruntukan tahun 2026 sebanyak RM200,000.

Perkara tersebut diumumkan Exco Belia, Sukan dan Kesihatan, Daniel Gooi Zi Sen dalam satu sidang media sempena pelancaran dana berkenaan di sini baru-baru ini.

Menurut beliau, 2026 merupakan tahun ketiga pelaksanaan inisiatif di bawah portfolio MMK Belia, Sukan dan Kesihatan.

"Dana Pembangunan Belia ini merupakan antara inisiatif penting dalam memastikan pelaburan berterusan terhadap pembangunan modal insan muda di negeri ini sejajar aspirasi Penang2030," ujarnya.

Mengulas mengenai peningkatan peruntukan, Zi Sen menyatakan bahawa ia bukan sekadar angka, tetapi mencerminkan kesungguhan Kerajaan




DANIEL Gooi Zi Sen.

Negeri dalam merancakkan penganjuran program dan aktiviti berimpak tinggi bagi memperkasa potensi, kepimpinan serta keupayaan belia di negeri ini.

"Pada tahun 2024, sebanyak RM102,000 telah diluluskan, manakala 2025 (RM99,800) dengan keseluruhan 99 program berjaya dilaksanakan dalam tempoh dua tahun tersebut.

"Pencapaian ini membuktikan bahawa dana ini benar-benar dimanfaatkan oleh pertubuhan belia dan memberi kesan langsung kepada pembangunan belia dan komuniti.

"Justeru, peningkatan peruntukan bagi tahun 2026 menunjukkan agenda pembangunan belia terus menjadi keutamaan strategik Kerajaan Negeri Pulau Pinang," katanya yang juga merupakan Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC).

Zi Sen turut memaklumkan bahawa dana tersebut terbuka kepada pertubuhan belia yang berdaftar di bawah Pendaftaran Pertubuhan Belia (ROY); sayap pemuda persatuan yang berdaftar di bawah Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS) kecuali parti-parti politik serta badan-badan yang tidak berdaftar di bawah ROY atau ROS tetapi berdaftar di bawah Akta Parlimen, dengan syarat beralamat dan beroperasi di Pulau Pinang.

"Program yang dimohon mestilah menyasarkan golongan belia berumur 15 hingga 35 tahun yang berasal dari atau bermastautin di Pulau Pinang, meliputi aspek kemahiran, kebolehpasaran, kesukarelawanan, kepimpinan, berpersatuan serta program pengiktirafan atau penganugerahan.

"Program berbentuk sukan tidak akan dipertimbangkan di bawah dana ini kerana mempunyai saluran pembiayaan berbeza.

"Semua permohonan hendaklah dikemukakan melalui laman web rasmi Dana Pembangunan Belia 2026, dan akan dinilai secara teliti serta profesional oleh Jawatankuasa Penilaian Dana Pembangunan Belia," jelasnya sambil mengalu-alukan penglibatan semua pihak termasuk pertubuhan belia di negeri ini.

Maklumat lanjut, sila hubungi urus setia melalui talian 011-1144 5866 atau melalui e-mel rasmi di *dpb@pydc.com.my*.

# Kolektif secara bersama

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **LAW SUUN TING**




**GOH Choon Aik (berdiri, kanan sekali) bersama barisan kepimpinan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri merakamkan gambar kenangan bersama Tun Ramli Ngah Talib (duduk, lima dari kiri) dan Ketua Menteri (duduk empat dari kiri) selepas Istiadat Pengurniaan Surat Cara Pelantikan serta Istiadat Mengangkat Sumpah Jawatan dan Taat Setia dan Sumpah Rahsia yang berlangsung di Anjung Mutiara baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN -** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tambun, Goh Choon Aik, selesai mengangkat sumpah sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) Pulau Pinang pada Istiadat Pengurniaan Surat Cara Pelantikan dan Istiadat Mengangkat Sumpah Jawatan dan Taat Setia serta Sumpah Rahsia di Anjung Mutiara di sini pada 6 Mac lalu.

Istiadat pengurniaan disempurnakan dengan penuh tertib istiadat di hadapan Yang Dipertua Negeri (TYT) Tun Ramli Ngah Talib dan isteri, Yang Mulia Toh Puan Raja Noora Ashikin Raja Abdullah.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow; Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri, Dato' Seri Law Choo Kiang; Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid; Timbalan Ketua Menteri II, Jagdeep Singh Deo; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Zulkifli Long dan barisan Ahli Exco Kerajaan Negeri serta *ex-officio* turut menyaksikan istiadat berkaitan.

Bercakap kepada pemberita usai istiadat tersebut, Kon Yeow mengumumkan penstrukturan semula beberapa portfolio melibatkan tiga ahli Exco Kerajaan Negeri susulan pelantikan Choon Aik.

Menurut beliau, Choon Aik diberikan tanggungjawab memegang portfolio Perdagangan dan Perpaduan Masyarakat.

"Sementara itu, Timbalan Ketua Menteri I, Yang Berhormat Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid kekal memegang portfolio Pembangunan Agama Islam, Pendidikan dan Pengajian Tinggi, namun portfolio Perpaduan Masyarakat yang sebelum ini di bawah tanggungjawab beliau kini digantikan dengan portfolio Pembangunan Koperasi.

"Dalam pada itu, Yang Berhormat Rashidi Zinol kini memegang portfolio Pembangunan Luar Bandar serta mengambil alih portfolio Agroteknologi dan Keterjaminan Makanan yang disandang oleh Yang Berhormat Fahmi Zainol sebelum ini.

"Manakala, portfolio Perdagangan yang sebelum ini dipegang oleh Rashidi kini diserahkan kepada Choon Aik.

"Saya merakamkan ucapan tahniah kepada Goh Choon Aik atas pelantikan ini dan berharap beliau dapat menunaikan amanah yang diberikan dengan sebaik-baiknya," ujarnya.

Mengulas lanjut, Kon Yeow menyatakan bahawa portfolio Perdagangan merupakan antara portfolio penting, khususnya dalam keadaan ekonomi semasa yang menyaksikan peniaga kecil, sederhana dan syarikat besar berdepan pelbagai cabaran termasuk peningkatan kos sara hidup.

Menurutnya lagi, selain perdagangan, aspek perpaduan masyarakat juga merupakan isu penting ketika ini memandangkan pelbagai cabaran pada peringkat global dan tempatan boleh menjejaskan keharmonian kaum.

"Diharapkan beliau (Choon Aik) akan mengambil sedikit masa untuk memahami skop portfolio ini selaras dengan portfolio pada peringkat Persekutuan, seterusnya merangka idea bagi memastikan usaha negeri Pulau Pinang selari dengan agenda nasional," katanya.

Dalam masa sama, Kon Yeow berharap usaha tersebut mampu membawa kesejahteraan, kebahagiaan dan pembangunan berterusan kepada rakyat negeri ini.

Mengulas perubahan portfolio lain, Kon Yeow memberitahu bahawa 'pemindahan' portfolio Pembangunan Koperasi kepada Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid diharap dapat memperkukuh perkembangan gerakan koperasi di Pulau Pinang selari dengan usaha pada peringkat Persekutuan.

"Sementara itu, YB Rashidi Zinol yang kini memegang portfolio Agroteknologi dan Keterjaminan Makanan memikul tanggungjawab penting dalam memastikan bekalan makanan negeri mencukupi walaupun Pulau Pinang merupakan sebuah negeri yang kecil.

"Sektor ini melibatkan puluhan ribu pengusaha termasuk penternak, pesawah dan usahawan agroteknologi yang memainkan peranan penting dalam menjamin keterjaminan makanan," ulasnya lanjut.

Pada masa yang sama, Kon Yeow menegaskan bahawa walaupun setiap Exco mempunyai tanggungjawab terhadap portfolio masing-masing, semua anggota Exco tetap memikul tanggungjawab bersama berdasarkan prinsip tanggungjawab individu dan kolektif.

"Secara individu, setiap Exco bertanggungjawab terhadap portfolio masing-masing, namun secara kolektif semua ahli Exco bertanggungjawab terhadap dasar, program, projek serta keputusan Kerajaan Negeri," katanya.

Tambah beliau, Kerajaan Negeri akan terus bergerak sebagai satu pasukan yang kukuh bagi meneruskan Visi Penang 2030 serta memastikan aspirasi rakyat Pulau Pinang dapat direalisasikan.

"Maka, kita berharap semua Exco akan memimpin jentera kerajaan untuk menyahut apa juga cabaran dan yang paling penting memenuhi aspirasi rakyat," jelasnya.

Pada 4 Mac lalu, Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang Tuan Yang Terutama Tun memperkenan pelantikan Choon Aik sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) selaras dengan Perkara 7 Perlembagaan Negeri Pulau Pinang bagi menggantikan ADUN Pantai Jerejak, YB Fahmi Zainol yang ditamatkan perkhidmatannya sebagai Ahli Majlis MMKN berkuat kuasa pada hari yang sama.

**Senarai nama dan portfolio Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang Bagi Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Yang Ke-15**

| NAMA | PORTFOLIO |
|---|---|
| **YAB Tuan Chow Kon Yeow** Ketua Menteri | Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi |
| **YB Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid** Timbalan Ketua Menteri I (ADUN Batu Maung) | Pembangunan Agama Islam, Pendidikan & Pengajian Tinggi dan Pembangunan Koperasi |
| **YB Tuan Jagdeep Singh Deo** Timbalan Ketua Menteri II (ADUN Datok Keramat) | Pembangunan Modal Insan, Sains dan Teknologi |
| **YB Dato' Rashidi Zinol** (ADUN Sungai Acheh) | Pembangunan Luar Bandar, Agroteknologi & Keterjaminan Makanan dan Keusahawanan |
| **YB Zairil Khir Johari** (ADUN Tanjong Bunga) | Infrastruktur, Pengangkutan dan Digital |
| **YB Tuan Wong Hon Wai** (ADUN Paya Terubong) | Pelancongan dan Ekonomi Kreatif |
| **YB Puan Lim Siew Khim** (ADUN Sungai Pinang) | Pembangunan Sosial, Kebajikan dan Hal Ehwal Bukan Islam |
| **YB Tuan H'ng Mooi Lye** (ADUN Jawi) | Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa |
| **YB Tuan Gooi Zi Sen** (ADUN Padang Lalang) | Belia, Sukan dan Kesihatan |
| **YB Dato' Seri S. Sundarajoo** (ADUN Perai) | Perumahan dan Alam Sekitar |
| **YB Tuan Goh Choon Aik** (ADUN Bukit Tambun) | Perdagangan dan Perpaduan Masyarakat |

**Berkuat kuasa 6 Mac 2026.*

# Taman rekreasi bandar mesra warga emas

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**BATU UBAN –** Exco Infrastruktur, Pengangkutan dan Digital, Zairil Khir Johari percaya bahawa Taman Kejiranan Lengkok Nipah di sini berpotensi menjadi model rujukan pada peringkat negeri dan nasional bagi pembangunan taman rekreasi bandar yang mesra warga emas, responsif terhadap perubahan iklim serta berteraskan penyelesaian berasaskan alam semula jadi (*Nature-Based Solutions* – NBS).

Menurutnya, kejayaan menukar kawasan lapang yang sebelum ini dijadikan tempat parkir kenderaan terpakai serta penempatan kontena secara tidak terurus kepada sebuah taman rekreasi bandar yang mesra warga emas diharap dapat membuka jalan kepada lebih banyak inisiatif seumpamanya pada masa hadapan.

"Kejayaan ini diharap dapat menjadi pemangkin kepada usaha menaik taraf lebih banyak kawasan lapang kepada ruang rekreasi yang berkualiti dan inklusif," jelasnya ketika merasmikan Projek Menaik Taraf Taman Kejiranan Lengkok Nipah di sini pada 8 Mac 2026.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjong Bunga berkata, bandar raya George Town sememangnya memerlukan lebih banyak projek menaik taraf kawasan lapang kepada 'koridor hijau' bagi menangani peningkatan suhu persekitaran serta fenomena pulau haba bandar.

Sehubungan itu, beliau menyokong pelaksanaan Program Penyesuaian Iklim Berasaskan Alam Semula Jadi Pulau Pinang (PNBCAP) yang melibatkan kerjasama antara *World Bank Adaptation Fund*, *UN-Habitat*, Kerajaan Negeri, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta Think City Sdn. Bhd., sebagaimana diterjemahkan melalui projek menaik taraf Taman Kejiranan Lengkok Nipah.



**ZAIRIL Khir Johari (enam dari kiri), Sim Tze Tzin (enam dari kanan) dan A. Kumaresan (lima dari kanan) bersama-sama Datuk Bandar dan barisan Ahli Majlis MBPP merakam gambar kenangan usai majlis berkaitan di sini baru-baru ini.**

"Fokus utama program ini memberi tumpuan kepada aspek penyesuaian iklim dan bukan hanya mitigasi, satu peralihan penting dalam pendekatan perancangan bandar yang menekankan keupayaan menyesuaikan diri, ketangkasan serta pembangunan berasaskan bukti sains," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau berkata projek menaik taraf Loji Rawatan Air Kumbahan Serantau di Mak Mandin turut akan mengadaptasi pendekatan NBS dengan kos hampir RM8 juta.

Tambahnya lagi, projek penaiktarafan di bawah peruntukan Jabatan Perkhidmatan Pembentungan (JPP) itu merupakan inisiatif 'reka dan bina' yang menggabungkan kepakaran kejuruteraan dengan ekosistem semula jadi melalui *Constructed Wetland System* (CWS).

"Selama ini, sistem rawatan tradisional sering dikaitkan dengan risiko bau, kualiti air terawat yang kurang memuaskan akibat beban organik tinggi, serta potensi pencemaran kepada ekosistem air semula jadi.

"Melalui sistem *Subsurface Flow Constructed Wetland* (SSF-CWS) yang dibina, kita membawa nafas baharu kepada penduduk Mak Mandin dengan sistem rawatan sifar bau kerana air mengalir di bawah permukaan melalui media pasir dan batu kerikil," jelasnya.

Terdahulu, Datuk Bandar MBPP, Dato' Ir. A. Rajendran berkata bahawa projek penaiktarafan Taman Kejiranan Lengkok Nipah itu mula dilaksanakan pada 6 Januari 2025 dan siap sepenuhnya pada 5 September 2025.

Menurutnya, projek yang menelan belanja RM713,000 itu melibatkan kawasan seluas 3,365 meter persegi atau kira-kira 0.9 ekar, dengan komposisi 66.5 peratus kawasan hijau dan 33.5 peratus kawasan berkonkrit.

"Nisbah ini mencerminkan komitmen kerajaan dalam mengurangkan permukaan tidak telap air serta memperkukuh fungsi ekologi dalam persekitaran bandar, termasuk meningkatkan keupayaan resapan air hujan dan mengurangkan suhu mikro setempat," katanya.

Sementara itu, Timbalan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri yang juga Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin menzahirkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam merealisasikan projek menaik taraf kawasan lapang tersebut.

ADUN Batu Uban, A. Kumaresan; Pengurus Projek PNBCAP UN-Habitat Malaysia, Dr. Kwan Soo Chen; serta Ahli Majlis MBPP, Chan Soon Aun turut berucap dalam majlis tersebut.

Turut hadir ialah Setiausaha Bandaraya MBPP, Sr. Cheong Chee Hong; Pengurus Besar Perbadanan Ketua Menteri (CMI), Datin S. Barathi; Pengarah JPS Negeri, Lt. Kol. Bersekutu (PA) Ooi Soon Lee; serta barisan Ahli Majlis pihak berkuasa tempatan berkenaan.

## Taman Kejiranan Lengkok Nipah unik

Gambar : **LAW SUUN TING**

**BERMULA** dengan sebidang tanah lapang hampir satu ekar yang mempunyai taman permainan uzur dan kereta usang, kini kawasan ini tampil sebagai Taman Kejiranan Lengkok Nipah yang dikunjungi ramai.

Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), **CHAN SOON AUN** berkata bahawa taman tersebut diwujudkan khas menepati ciri-ciri mesra warga emas dan inklusif.

"Taman ini sudah 100 peratus siap, daripada kawasan yang agak terbiar dan menyakitkan pemandangan, kita telah ubah menjadi kawasan riadah unik sesuai untuk semua lapisan usia.

"Selepas siap pada hujung tahun lepas, sambutan agak menggalakkan daripada penduduk setempat terutamanya di Taman Lip Sin ini sendiri," ujarnya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.









**PEMANDANGAN Taman Kejiranan Lengkok Nipah yang ditambah baik dan menjadi kawasan riadah untuk semua lapisan usia.**

Kunjungan wartawan Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** mendapati Taman Kejiranan Lengkok Nipah sangat unik dengan ciri-ciri arkitek moden.

Difahamkan, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Pusat Khidmat Parlimen Bayan Baru membelanjakan kira-kira RM700,000 bagi menyiapkan kemudahan berkaitan.

Terdahulu, Timbalan Menteri Perdagangan, Pelaburan dan Industri merangkap Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin memberitahu bahawa pembangunan tersebut akan dijalankan selepas mengambil kira populasi warga emas di Taman Lip Sin di sini.

"Saya amat mengalu-alukan projek ini kerana dianggarkan terdapat kira-kira 50,000 penduduk di kawasan ini, tetapi tiada taman riadah yang khusus, terutamanya kepada golongan warga emas di sini.

"Jadi selepas perbincangan dengan MBPP, mereka bersetuju untuk naik taraf taman ini supaya lebih mesra warga emas serta merupakan yang pertama seumpamanya di Pulau Pinang dan mungkin juga di dalam negara," ujarnya.

RTPSI 2050

# PROGRAM PUBLISITI DAN PENYERTAAN AWAM

## DRAF AKHIR RANCANGAN TEMPATAN

BULETIN MUTIARA

## KAJIAN RANCANGAN TEMPATAN *PENANG SILICON ISLAND* (RTPSI) 2050

### *Tarikh Publisiti & Penyertaan Awam:* 30 MAC 2026 HINGGA 8 MEI 2026

Program Publisiti dan Penyertaan Awam Draf Rancangan Tempatan *Penang Silicon Island* (RTPSI) 2050 dilaksanakan bagi **memaklumkan kepada orang awam dan pihak berkepentingan mengenai hala tuju pembangunan, cadangan guna tanah dan kawalan perancangan bagi pembangunan Bandar Pulau Silikon *(Silicon Island)* sehingga tahun 2050** selaras dengan peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172).

Draf RTPSI 2050 bertujuan merealisasikan Visi Penang 2030 melalui perancangan yang menerapkan amalan reka bentuk bandar terbaik merujuk kepada **Prinsip-prinsip Alam Sekitar, Sosial, Tadbir Urus (ESG), Pisah Ragam (*Modal Shift*) 70:30, pembangunan yang menerapkan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) dan Pembangunan Bandar Rendah Karbon.**

### Revolusi Rancangan Tempatan *Penang Silicon Island* (RTPSI) 2050

- ***RT** pertama bagi kawasan "greenfield" di Pulau Pinang dan Malaysia.*
- ***RT** pertama pembangunan tebus guna di Malaysia*
- ***RT** pertama mengintegrasikan sistem pangkalan data berasaskan GeoBIM.*
- ***RT** pertama yang mengadaptasi revolusi pemodenan format RT :*
  - *Lebih Fleksibel*
  - *Adaptif*
  - *Mesra Pelabur*
  - *Mesra Pengguna*
  - *Berdaya Laksana*
  - *'Business & Sales Plan Friendly'*
- ***RT** pertama dengan tempoh jangka masa perancangan sehingga penghunian.*

### Bentuk dan Kandungan RTPSI 2050

**JILID 1**

**PENYATAAN BERTULIS DAN STRATEGI PEMBANGUNAN**
*(DIWARTAKAN DIBAWAH SEK 15, AKTA 172)*
- Strategi Pembangunan
- Pelan Tindakan
- Langkah

**JILID 2**

**PETA CADANGAN DAN KAWALAN PEMBANGUNAN**
*(DIWARTAKAN DI BAWAH SEK 15, AKTA 172)*
- Rangka Perancangan Guna Tanah
- Parameter Kawalan Perancangan

**JILID 3**

**GARIS PANDUAN DAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN**
- Garis Panduan Umum
- Garis Panduan Khusus
- Rumusan Agensi Berkepentingan

JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA PULAU PINANG

**NOTIS PEMBERITAHUAN**

**DI BAWAH SUBSEKSYEN 13(2)**
**AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976 *[AKTA 172]***

**PROGRAM PUBLISITI DAN PENYERTAAN AWAM**
**DRAF AKHIR**

**RANCANGAN TEMPATAN *PENANG SILICON ISLAND* 2050 (RT PSI 2050)**

Salinan Draf Akhir Rancangan Tempatan *Penang Silicon Island* 2050 (RT PSI 2050) akan disediakan untuk semakan awam mulai **30 Mac 2026 hingga 8 Mei 2026** di lokasi berikut:

| TARIKH | MASA | TEMPAT |
|---|---|---|
| 30 Mac 2026 (Isnin) hingga 8 Mei 2026 (Jumaat)<br>(Tutup pada hari Sabtu, Ahad dan cuti umum) | 9.00 pagi hingga 4.00 petang | Ruang Legar Tingkat 57 Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Pulau Pinang (PLANMalaysia Pulau Pinang) KOMTAR 10000 George Town Pulau Pinang |
| | | Ruang Legar, Aras 3 KONKOS KOMTAR 10000 George Town Pulau Pinang |

Semua orang awam dijemput untuk menyemak Draf Akhir Rancangan Tempatan *Penang Silicon Island* 2050 (RT PSI 2050). Sebarang maklum balas, bantahan dan representasi boleh dikemukakan dengan mengisi Borang Bantahan Awam (secara manual atau dalam talian) yang disediakan atau melalui memorandum atau surat rasmi **sebelum 8 Mei 2026** kepada alamat berikut:

**PENGARAH**
**Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Pulau Pinang**
**(PLANMalaysia Pulau Pinang)**
**Tingkat 57, KOMTAR**
**10000 George Town**
**Pulau Pinang**
**04-6505270 / 04-65055560**

### Info Ringkas RTPSI 2050

| | | |
|---|---|---|
| Jumlah kawasan pembangunan **2,300 EKAR** (930.78 ha) | Jumlah keluasan kawasan perairan **1,638 EKAR** (662.87 ha) | Jumlah keseluruhan kawasan kajian **3,938 EKAR** (1,593.65 ha) |

Unjuran Penduduk sehingga tahun 2050 **105,428**

Sempadan kawasan kajian telah diwartakan di dalam Warta Kerajaan Negeri Pulau Pinang No. Warta 2237 pada 4 September 2025 sebagai **BANDAR PULAU SILIKON**

RTPSI 2050 merangkumi 4 peringkat kawalan:
- 01 Perancangan
- 02 Reka Bentuk
- 03 Pembinaan
- 04 Pemantauan & Operasi

### Info Ringkas Cadangan Pembangunan PSI

- **16.77 %** Jumlah keluasan tanah yang diwartakan sebagai kawasan hijau (385.80 ekar)
- **100 %** Dikuasakan oleh tenaga boleh diperbaharui untuk *Green Tech Park (GTP)*
- **70 : 30** Pisah ragam pengangkutan awam dan kenderaan persendirian
- **110 KM** Rangkaian laluan berbasikal dan pejalan kaki
- **45 %** Pengurangan pelepasan karbon *(5 Diamond MGTC LCC2030C Accreditation)*
- **34 %** Pengurangan penggunaan air
- **63.5 %** Pengurangan sisa di tapak pelupusan

### Rangka Keseluruhan Hala Tuju dan Strategi Utama Pembangunan PSI

**VISI PENANG 2030**
**"Negeri Pintar & Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara."**

1. Ekonomi yang Dinamik
2. Kemampanan dan Kesejahteraan
3. Pembangunan yang Inklusif

**VISI PSI 2050 : "Ke Arah Pembangunan Pintar dan Mampan Yang Berdaya Tahan"**

1. Ekologi *(Ecology)*
2. Mobiliti *(Mobility)*
3. Komuniti *(Community)*
4. Daya tahan *(Resiliency)*
5. Mampan *(Sustainability)*

| TERAS 1 | TERAS 2 | TERAS 3 | TERAS 4 | TERAS 5 | TERAS 6 |
|---|---|---|---|---|---|
| Ekonomi Pintar *(Smart Economy)* | Persekitaran Pintar *(Smart Environment)* | Kehidupan Pintar *(Smart Living)* | Komuniti Pintar *(Smart Community)* | Infrastruktur & Mobiliti Pintar *(Smart Infrastructure and Mobility)* | Pentadbiran Pintar *(Smart Governance)* |

**TERAS 1**

**S1 :** Revolusi Industri 4.0 disokong dengan memberi fokus kepada sektor Elektrik & Elektronik (E&E) melalui pembangunan *Green Tech Park.*

**S2 :** *The Heart of the Island (HOTI)* sebagai destinasi ikonik baharu yang beridentitikan Pulau Pinang.

**S3 :** Memperkenalkan sektor pelancongan sebagai salah satu pemangkin utama aktiviti komersial dalam pembangunan PSI.

**S4 :** Penyediaan Tanah bagi Pusat Pentadbiran Negeri (SAC) sebagai pusat pentadbiran pintar bagi Pulau Pinang.

**S5 :** Pengawalseliaan paparan iklan komersial secara digital dalam pembangunan PSI

**TERAS 2**

**S1 :** Menyediakan Pelan Kesediaan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) bagi pemeliharaan dan pemuliharaan kawasan KSAS.

**S2 :** Pengurusan dan pemeliharaan sumber marin di sekitar pembangunan PSI.

**S3 :** Mengintegrasikan pelan pengurusan daya tahan dan pemeliharaan kawasan hakisan pantai, kenaikan aras laut dan kawalan banjir.

**TERAS 3**

**S1 :** Pengurusan guna tanah secara cekap dalam pembangunannya

**S2 :** Pelaksanaan elemen kawalan reka bentuk bandar yang berdaya huni ke arah Bandar Pintar

**S3 :** Penerapan elemen biodiversiti dalam pembangunan

**S4 :** Pengurusan aktiviti kawasan perairan pembangunan PSI

**S5 :** Pembangunan guna tanah fleksibel melalui pertimbangan semula plot pembangunan yang tidak terjual oleh kerajaan negeri.

**S6 :** Pembangunan perkampungan sekitar perlu seiring dengan pembangunan PSI

**TERAS 4**

**S1 :** Penyediaan kemudahan masyarakat yang berkualiti dan pintar bagi memenuhi keperluan penduduk dan menjamin kesejahteraan sosial komuniti.

**S2 :** Penyediaan perumahan yang mencukupi bagi semua lapisan masyarakat bagi persekitaran yang berdaya huni.

**S3 :** Penyediaan fasiliti penginapan pekerja yang kondusif bagi menarik tenaga kerja mahir

**TERAS 5**

**S1 :** Pelaksanaan *No-Dig Policy* & Koridor Utiliti Khusus dalam pembangunan infrastruktur secara teratur dan sistematik.

**S2 :** Penyediaan bekalan elektrik yang mencukupi dan pintar

**S3 :** Penyediaan dan pengurusan bekalan air yang mencukupi dan mapan.

**S4 :** Penyediaan infrastruktur pembentungan yang inovatif dan memenuhi keperluan penduduk setara.

**S5 :** Penyediaan sistem saliran dan perparitan dilaksanakan secara bersepadu dengan menggunakan konsep infrastruktur mesra alam

**S6 :** Peningkatan Infrastruktur Komunikasi & ICT yang mengutamakan sistem teknologi pintar.

**S7 :** Penyediaan infrastruktur pengurusan sisa yang lebih cekap dan mesra alam

**S8 :** Perancangan sistem pengangkutan yang cekap dan mobiliti bandar yang pintar

**TERAS 6**

**S1 :** Penyelarasan struktur perancangan dan tadbir urus pembangunan PSI secara sistematik.

**S2 :** Penubuhan Unit Pengurusan Bandar (CMU) bagi urus tadbir yang lebih efisien, bersepadu dan pintar.

**S3:** Pelaksanaan prosedur kelulusan pelan pemajuan yang lebih efisien dan pintar melalui tatacara *Silicon Island Green Lane (SIGL)*

**S4 :** Pembangunan City Command Centre (CCC) sebagai pusat pangkalan data bersepadu PSI

**S5 :** Pematuhan keperluan polisi, strategi pembangunan, kawalan pembangunan dan garis panduan yang ditetapkan di dalam RTPSI 2050

**S6 :** Pengurusan kemudahan masyarakat yang pintar bagi menjamin kesejahteraan sosial komuniti

**S7 :** Pemantauan Pelaksanaan Pelan Pengurusan Impak Sosial / Social Impact Management Plan (SIMP) yang menyeluruh bagi pembangunan PSI

**S8 :** Pelaksanaan Pelan Tindakan *Low Carbon City Framework (LCCF)* yang selaras dengan prinsip ESG

**S9 :** Pelaksanaan Pelan Digital GeoBIM

**S10 :** Penyelarasan pengurusan antara agensi disyorkan untuk penyenggaraan menyeluruh dan cekap

**S11 :** Penjenamaan *Silicon Island* perlu selari dengan peranan dan fungsinya sebagai destinasi yang tersendiri dan terkemuka bagi mencapai potensi penuh *Penang Silicon Island (PSI)* sebagai sebuah destinasi bertaraf dunia

# Perkukuh pemuliharaan warisan UNESCO



MENARA Jam Peringatan Ratu Victoria.

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**GEORGE TOWN** – Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan *George Town World Heritage Incorporated* (GTWHI) menerima peruntukan berjumlah RM4.3 juta bagi pelaksanaan kerja penyelenggaraan tapak serta bangunan yang telah diiktiraf dan berpotensi sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO.

Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Zulkifli Long berkata, penyaluran dana tersebut merangkumi 10 projek fizikal dan kajian yang bertujuan memastikan kelestarian warisan negeri Pulau Pinang terus terpelihara.

"Antara projek utama yang diluluskan termasuk kerja membaik pulih monumen *Queen Victoria Memorial Clock Tower*, menaik taraf tingkap Dewan Bandaran MBPP, menaik taraf lorong belakang Lebuh Carnarvon – Lebuh Melayu serta tandas Kampung Kolam.

"Kerja lain turut melibatkan pemuliharaan bangunan warisan di Lebuh Armenian (No. 126–128), Rumah Agam Syed Al-Attas dan *Artisan Hub*.

"Selain itu, inisiatif bukan fizikal turut dilaksanakan seperti projek *'wayfinding'* di Zon Teras dan Zon Penyangga, serta penyediaan Lukisan Terukur bagi Bangunan Kategori II," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penyerahan Cek Peruntukan di bawah Pelaksanaan Inisiatif Belanjawan 2025 – Penyelenggaraan Tapak dan Bangunan yang Telah Diiktiraf dan Berpotensi sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO di *Town Hall Gallery* MBPP di sini, baru-baru ini.

Turut hadir ialah Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Zairi Mat Ali; Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan), Mohamed Abdul Rahman; Datuk Bandar MBPP, Dato' Ir. A. Rajendran; Pesuruhjaya Warisan Jabatan Warisan Negara, Mohamad Muda Bahadin; Pesuruhjaya Warisan Negeri Pulau Pinang, Ar. Zalena Abdul Aziz; serta Pengurus Besar GTWHI, Dr. Ang Ming Chee.

Mengulas lanjut, Zulkifli memaklumkan bahawa kelulusan semua projek berkenaan tertakluk kepada syarat ketat yang ditetapkan oleh Jabatan Warisan Negara (JWN).

"Antaranya, semua projek mesti dilaksanakan dan disiapkan dalam tempoh dua tahun dari tarikh kelulusan. Setiap projek fizikal juga perlu mendapatkan ulasan serta syor Pesuruhjaya Warisan terlebih dahulu.

"Syarat lain termasuk pengemukaan laporan kemajuan dan status pelaksanaan kepada JWN pada setiap 10 hari bulan, selain penubuhan jawatankuasa pemantauan di peringkat negeri sekiranya perlu," jelasnya.

Beliau turut menegaskan bahawa kelewatan pelaksanaan tidak seharusnya berlaku sehingga memberi impak negatif kepada rakyat, sebagaimana yang pernah berlaku dalam beberapa projek sebelum ini.

"Usaha ini bukan sekadar memelihara bangunan lama, tetapi juga memartabatkan George Town sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO, di samping mengekalkan identiti dan sejarah untuk tatapan generasi akan datang," katanya.



LORONG belakang Lebuh Carnarvon – Lebuh Melayu.



DEWAN Bandaran MBPP dekat Padang Kota Lama.



TANDAS awam Kampung Kolam.



RUMAH Agam Syed Al-Attas.

# Perkasa sektor pertanian manfaat kepada petani



TRAKTOR pertanian antara jentera yang diserahkan pada majlis berkaitan di sini baru-baru ini.

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **MUHAMMAD IQBAL HAMDAN**

**BAGAN JERMAL –** Bagi tahun 2025, Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang menerima peruntukan berjumlah RM13.5 juta yang memberi manfaat kepada lebih 14,000 petani di negeri ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa daripada jumlah tersebut, sebanyak RM5.53 juta disumbangkan oleh Kerajaan Negeri.

Menurut Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi itu lagi, Kerajaan Negeri komited memastikan impak lebih besar melalui penyediaan RM1 juta bagi pelaksanaan Program Home-based Industri Asas Tani dan RM500,000 bagi pemerkasaan infrastruktur asas tani, penggunaan teknologi serta peningkatan produktiviti sektor pertanian secara berterusan.

"Program Home-based Industri Asas Tani memberi fokus kepada pembangunan usahawan tani dari rumah melalui penyediaan peralatan, peningkatan kapasiti pengeluaran, pembungkusan, pemasaran serta pembangunan modal insan.

"Seramai 126 peserta terlibat dalam program ini dan dijangka dapat meningkatkan kualiti produk, kebolehpasaran serta pendapatan isi rumah warga tani," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Majlis Penyerahan Peralatan Industri Asas Tani (Home-based) dan Jentera Pertanian bagi Program Pengukuhan Keterjaminan Makanan di sini pada 14 Februari 2026.

Tambah beliau, penyerahan traktor dan dron adalah sejajar dengan objektif mekanisasi pertanian bagi mengurangkan kos operasi, menangani kekurangan tenaga buruh, meningkatkan kecekapan pengurusan tanaman serta menggalakkan penggunaan teknologi moden seperti *Internet of Things* (IoT).

"Sehingga kini, terdapat 11 koperasi tani aktif di Pulau Pinang yang bakal menerima manfaat langsung daripada inisiatif ini," jelasnya.

